

12/12/1999

Nahas: Isteri Aziz maut

KUALA KUBU BHARU: Timbalan Menteri Pendidikan yang baru dilantik, Senator Datuk Aziz Samsuddin, cedera manakala isterinya, Datin Asmah Ali Hussin meninggal dunia selepas kenderaan yang mereka naiki terbabas di Km 433, Lebuhraya Utara Selatan (NSE) berdekatan Bukit Sentosa, Rawang pagi semalam.

Dalam kejadian pada jam 11.15 pagi itu, kenderaan pacuan empat roda yang dipandu anak pasangan terbabit, Mohd Nasrizal, 28, dipercayai gagal dikawal lalu terbabas dan melanggar penghadang di bahagian kiri lebuhraya itu. Aziz, 62, adalah Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri sebelum diumumkan sebagai timbalan menteri kelmarin. Beliau dilantik senator pada 3 November lalu.

Ketua Polis daerah, Superintendan Azman Yusuf, berkata Asmah yang cedera parah di kepala meninggal dunia di tempat kejadian manakala Aziz dan Nasrizal hanya mengalami cedera ringan.

Asmah yang duduk di belakang kenderaan itu tercampak keluar manakala Aziz yang duduk di depan serta anaknya hanya cedera ringan. Aziz dan anaknya dipercayai cedera di bahagian atas hidung.

Azman berkata, Aziz dan Nasrizal dipercayai diselamatkan oleh beg angin keselamatan kereta itu.

Jenazah Asmah dihantar ke Hospital Kuala Kubu Bharu untuk dibedah siasat manakala Aziz dan anaknya dihantar ke Klinik Ng & Singh di Rawang Country Homes, Rawang dekat sini untuk mendapatkan rawatan pesakit luar.

Bagaimanapun, Aziz dan Nasrizal dipindahkan ke Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC) di Subang Jaya untuk rawatan lanjut pada jam 2.30 petang. Mereka dibawa menaiki ambulans Hospital Sungai Buloh dan diiringi kereta peronda.

Kemalangan berlaku ketika Aziz, isterinya dan anak mereka dalam perjalanan ke Kuala Lumpur selepas pulang ke kampung di Perak.

"Kejadian berlaku ketika kenderaan pacuan empat roda dinaiki tiga beranak itu dalam perjalanan dari Ipoh menghala Kuala Lumpur sebelum terbabas di lebuhraya itu," katanya di sini semalam.

Jenazah Asmah dibawa ke rumahnya di Nombor 8 Jalan Opu, Daeng Merewah 1, Seksyen 9/3A Shah Alam, pada jam 3.15 petang selepas dibedah siasat dan tiba pada jam 4.10 petang.

Kenderaan pacuan empat empat roda jenis Toyota Prado yang bernombor pendaftaran NF 9 berwarna hitam, remuk di bahagian depan akibat kemalangan itu.

Sementara itu, di Klinik Ng & Singh, Aziz yang dipindahkan ke SJMC, kelihatan bengkak di muka dan ditampal dengan pembalut luka di bahagian atas hidung. Aziz dibawa keluar dari klinik itu dengan menggunakan pengusung. Baju dan seluarnya mempunyai kesan percikan dan tompokan darah.

Anaknya yang turut ditampal kain pembalut luka di bahagian atas hidung, mampu berjalan sebelum menaiki ambulans yang sama.

Turut berada di klinik itu rakan Aziz serta Ketua Polis Selangor, Datuk Nik Ismail Nik Yusof.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datin Seri Hendon Mahmud serta Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar, adalah antara mereka yang menziarahi jenazah Asmah.

Turut menziarahi jenazah Asmah ialah ahli Parlimen Gombak Datin Paduka Zaleha Ismail, bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

(END)